

# Pencapaian CGPA tak jamin kebolehpasaran graduan

Tahniah diucapkan kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing sempena majlis konvokesyen yang diadakan institusi pengajian tinggi seluruh negara pada bulan ini. Kejayaan graduan menamatkan pengajian sudah pasti membawa seribu kegembiraan bukan sahaja kepada mereka, tetapi keluarga yang menaruh harapan tinggi.

Tidak dinafikan, pendidikan adalah faktor penting mengubah diri seseorang serta keluarga mereka bagi menempuh cabaran dunia masa kini. Tanpa pendidikan sempurna, sukar untuk mana-mana individu mengubah nasib serta membawa diri serta keluarga ke tahap lebih baik.

Bagi menempuh cabaran dunia masa kini, seseorang graduan perlu memiliki bukan sahaja tahap kejayaan akademik yang baik malah perlu mempunyai faktor penarik yang membolehkan mereka menempuhi dunia realiti di luar bilik kuliah. Malangnya, ada segelintir pelajar serta warga pendidik yang hanya memberi fokus terhadap kejayaan akademik semata-mata.

Fokus diberikan mereka hanya memperoleh tahap Kecemerlangan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) tinggi tanpa mengambil kira faktor penentu lain yang juga sama penting selain memperoleh nilai CGPA yang baik.

## Kualiti graduan jadi isu

Dalam era globalisasi kini, isu kualiti graduan terutama graduan tempatan masih menjadi isu kritikal terutama apabila menyentuh aspek kemampuan mereka memenuhi permintaan pasaran. Meskipun dari segi kelayakan akademik, keputusan graduan berada pada tahap membanggakan, keadaan berbeza jika dinilai melalui kemahiran insaniah.

Kemampuan mereka dalam aspek ini dilihat masih berada pada tahap yang lemah dan masing-masing belum mampu mencapai standard dikehendaki pasaran meskipun penekanan terhadap keperluan ini sering menjadi ketutamaan serta tajuk utama di dalam akhbar dan perbicaraan di kaca televisyen dan radio.

Kebolehan mereka seperti kemahiran menyelesaikan masalah dalam menghadapi sesuatu situasi



Graduan perlu **memiliki kemahiran akademik dan insaniah** yang baik untuk menempuh alam pekerjaan yang serba mencabar. (GAMBAR HIASAN)

atau menghasilkan sesuatu yang membawa kepada faedah umum, menerusi cetsan daya kreativiti dan inovasi atau kebolehan untuk berkomunikasi dengan baik dilihat masih belum mampu dikuasai sepenuhnya biarpun amat diperlukan pada masa kini oleh masyarakat sekeliling.

## Akademik bukan penentu

Tanpa kemahiran insaniah ini, sejauh mana graduan dapat me-

tempuh dunia yang serba mencabar hari ini. Perlu diingat, keputusan akademik yang baik bukan satu-satunya faktor penentu dalam mencari pekerjaan serta memperoleh kejayaan dalam hidup. Faktor kemahiran insaniah seperti dinyatakan juga menjadi faktor sama penting kejayaan mana-mana individu pada masa ini.

Justeru, menjadi harapan supaya semua pihak terutama pendidik menitikberatkan kemahiran insa-

niah selain memberi tumpuan terhadap kejayaan akademik selaras Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang diperkenalkan 30 tahun lalu yang menyasarkan keberhasilan pendidikan yang mampu melahirkan modal insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI).

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)